

## BAB : 4

### PERANAN TUN SAMBANTHAN DALAM MENINGKATKAN KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK ORANG INDIA

Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC selama 18 tahun. Beliau memimpin MIC dalam era perkembangan politik selepas merdeka. Ia adalah satu permulaan bagi membentuk kerajaan sendiri. Tun Sambanthan telah mengusahakan langkah-langkah untuk menguatkan kedudukan politik dan sosio-ekonomi orang India. Dalam usaha murni ini, beliau terpaksa melakukan perubahan dalam organisasi pentadbiran bagi mengukuhkan kedudukan parti.

#### **Kepimpinan Dalam MIC**

Perubahan pertama yang dilakukan oleh Tun Sambanthan adalah **menyatupadukan orang India** di dalam parti MIC. Pemimpin MIC sebelum Tun Sambanthan lebih gemar mengambil penyokong setianya sebagai ahli MIC dan keadaan ini telah membawa kepada kemunculan '*faction*' dalam MIC, yang menjaga kepentingan dan kedudukan pemimpinnya. Misalnya, semasa Encik Ramanathan Chettiar (1950-1) menjadi Presiden MIC ketiga, ramai golongan peniaga India di kawasan bandar menjadi ahli MIC sehingga kegiatan politik parti MIC terbantut. Budh Singh (1947-50) dan K.L. Devaser (1951-55), masing-masing merupakan Presiden kedua dan ketiga MIC. Mereka tidak berusaha untuk menambahkan keahlian di kalangan orang India estet. Manakala

Budh Singh sibuk dengan masalah pekerja dan mogoknya. Malah, MIC sebelum Tun Sambanthan diwakili oleh golongan elit yang berpendidikan Inggeris dan profesional. Imej ini mula berubah selepas Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC.

Di bawah pimpinan Tun Sambanthan, MIC mula dikenali sebagai **parti massa** dan kebanyakan ahlinya adalah orang Tamil yang tinggal di estet. 90% orang Tamil yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu adalah berlatarbelakang estet.<sup>1</sup> Mereka dianggap wakil sebenar orang India di Tanah Melayu. Tun Sambanthan dan beberapa ahli jawatankuasa tertinggi telah kerap kali melawat estet di seluruh negara untuk mendaftar ahli baru. Proses ini menjadi lebih mudah selepas penubuhan NLFCS.<sup>2</sup> Orang Tamil di estet semakin yakin dan percaya terhadap kepimpinan MIC yang cuba mengatasi fragmentasi. Tun Sambanthan, selaku Pengerusi NLFCS mula dipandang sebagai pemimpin orang India yang sebenar dan juga pembela nasib bangsa. MIC menjadi parti massa dengan 90% keahlian adalah orang India dari estet. Ini merupakan sumbangan terbesar yang tidak pernah diusahakan oleh presiden-presiden sebelumnya.

Dalam usaha awal memantapkan parti MIC, Tun Sambanthan juga telah menggunakan Bahasa Tamil sebagai alat perantaraan dengan ahli-ahli MIC. Pemimpin-pemimpin sebelum Tun Sambanthan hanya menggunakan Bahasa Inggeris untuk menyampaikan mesej parti.<sup>3</sup> Ini bersesuaian dengan peribadi mereka yang tidak boleh berbahasa Tamil kecuali Ramanathan Chettiar. Tun Sambanthan walaupun fasih

---

<sup>1</sup> Sandhu Kernial Singh, **Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957**, Cambridge University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 237.

<sup>2</sup> NLFCS ialah koperasi yang ditubuhkan oleh Tun Sambanthan untuk mengatasi masalah fragmentasi. Keterangan selanjutnya dalam bab selepas ini.

<sup>3</sup> Keterangan oleh Encik Meenachi Sundram pada 10 Januari 2000.

berbahasa Inggeris tetapi telah mewajibkan penggunaan Bahasa Tamil dalam urusan parti. Beliau berpendapat "*to converse in English at Tamil meetings ... is a bad habit*".<sup>4</sup> Penggunaan Bahasa Tamil secara berleluasa dalam urusan parti MIC telah dikritik oleh golongan elit India yang hanya fasih dalam Bahasa Inggeris. Beliau dilarang bertindak demikian kerana:

*"He was elected as a member of a non-communal political alliance and he is not a spokesman for Tamil interests, customs and conventions anymore."*<sup>5</sup>

Tun Sambanthan dikatakan terlalu taksub terhadap kaum dan bahasa Tamil sehingga lupa bahawa beliau juga merupakan Menteri dalam kabinet yang dipilih oleh semua penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Hakikatnya, beliau juga adalah Presiden MIC yang perlu menggalakkan penggunaan bahasa Tamil dalam parti. Sebenarnya penentangan ini tidak berasas dan tidak mendapat sokongan bersepadu daripada pemimpin-pemimpin Melayu dan Cina kerana Tun Sambanthan menggunakan bahasa Inggeris dalam kabinet dan adalah wajar untuk mempraktiskan bahasa Tamil dalam mesyuarat MIC.

Walau bagaimanapun, Tun Sambanthan tidak mengendahkan kesemua tohmahan ini dan berusaha menyatupadukan orang Tamil yang mewakili 3/4 penduduk India di Persekutuan Tanah Melayu. Penggunaan bahasa Tamil telah memudahkan komunikasi di antara pemimpin dengan orang Tamil di estet. Dengan itu, ramai orang Tamil di estet menganggotai MIC.

---

<sup>4</sup> *Straits Times*, 13 September 1955.

<sup>5</sup> *Ibid.*

Pada masa yang sama, Tun Sambanthan mengambilkira keperluan segolongan orang India yang tidak mahir dalam bahasa Tamil. Segala urusan percetakan berkenaan parti dicetak dalam bahasa Inggeris dan Tamil. Ini merupakan satu usaha baru yang tidak dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya. Malahan, laporan Mesyuarat Agong Tahunan juga disediakan dalam dwi-bahasa.

Tun Sambanthan juga telah memberi **peluang yang saksama kepada orang India** untuk menyertai dan memegang jawatan dalam MIC. Gurdial Singh, seorang berbangsa Punjabi merupakan Bendahari MIC cawangan negeri Selangor. G.A. Gomez berbangsa Kristian pernah menjadi ketua cawangan Rawang. S.O.K. Ubaidullah, berbangsa India-Muslim pernah menjadi wakil dalam Jawatankuasa Kerja, MIC pada tahun 1959/60. Malahan, Tun Sambanthan telah mempersetujui perlantikan orang India yang terdiri daripada pelbagai keturunan dalam pentadbiran parti. Misalnya, Jawatankuasa Kerja MIC Sesi 1959/60 pernah diwakili oleh K. Karunakaran Nair (Malayalam) dan Ponnusamy Pillai (Brahmin). Beliau tidak mementingkan bangsa, keturunan, kasta atau agama untuk memilih pemimpin-pemimpin kecil dalam parti MIC. Ciri yang telah menyatukan semua orang dibawah payung MIC adalah bahasa Tamil.

Era kepimpinan Tun Sambanthan, telah memperlihatkan **peningkatan dalam bilangan cawangan**. Pada tahun 1955 MIC hanya mempunyai 52 cawangan.<sup>6</sup> Angka ini telah menjangkau kepada 145 pada tahun 1959 dan menjadi 151 pada tahun 1960 dengan jumlah ahlinya seramai 70,000 orang.<sup>7</sup> Negeri Perak telah mempunyai bilangan cawangan yang paling banyak di Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1960, ia

---

<sup>6</sup> Tamil Nesan, 4hb Mac 1955.

<sup>7</sup> MIC, Report 14<sup>th</sup> Annual Delegates Conference, 10<sup>th</sup> - 11<sup>th</sup> September, 1960, MIC Headquarters, Kuala Lumpur, hlm.7.

mempunyai 45 cawangan.<sup>8</sup> Secara kebetulan, Presiden MIC adalah orang Perak. Negeri Perak juga telah mempunyai populasi orang Tamil yang paling ramai khususnya di Kinta, Krian, Larut dan Perak Hilir. Tempat-tempat ini mempunyai "*half the Tamils of Malaya*".<sup>9</sup> Pada tahun 1973, jumlah cawangan MIC yang berdaftar adalah 344.<sup>10</sup> Ini adalah satu pencapaian yang mengagumkan bagi diri Tun Sambanthan yang menjadi Presiden MIC selama 18 tahun.

Tun Sambanthan juga telah memperkenalkan cara baru dalam **sistem pemilihan presiden MIC**. Sehingga tahun 1955, Presiden MIC adalah dilantik dan sistem ini mempunyai beberapa kelemahan. Sesiapa yang aktif berpolitik di kalangan orang India telah dijadikan Ketua MIC. Sebab itu, pemimpin-pemimpin sebelum Tun Sambanthan telah diwakili oleh orang-orang yang berkepentingan diri dan menjaga kepentingan kumpulan (faction) yang diwakilinya. Kesemua pemimpin MIC sebelum Tun Sambanthan tidak dapat mendukung kepentingan orang Tamil yang mewakili 3/4 daripada penduduk India di Tanah Melayu. Misalnya, Ramanathan Chettiar gemar memberi ceramah agama.<sup>11</sup> Keperluan sebenar orang India sentiasa diabaikan. Sikap dan sifat pemimpin-pemimpin sebelum Tun Sambanthan boleh digambarkan sebegini:

*"Their position within the community was based on a common inter-group consensus irrespective of particularist identification."*<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 8.

<sup>9</sup> Sandhu Kernial Singh, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement 1786-1957*, hlm. 237.

<sup>10</sup> MIC, *Laporan Tahunan Mesyuarat Agung yang Ke-21, 21.7.1967-30.6.1973*, Ibupejabat MIC, Kuala Lumpur, hlm. 20.

<sup>11</sup> *Tamil Murasu*, 26 Mei 1955.

<sup>12</sup> Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 120.

Maka, Tun Sambanthan telah memperkenalkan pemilihan Presiden melalui proses mengundi di kalangan ahli-ahli MIC. Pemilihan ini bercirikan demokrasi dan ahli-ahlinya berpeluang memilih pemimpinnya setahun sekali. Orang India telah meyakini dan mempercayai kepemimpinan Tun Sambanthan. Sebab itu, beliau tidak putus-putus dipilih sebagai Presiden selama 18 tahun. Kalau tidak campurtangan Tun Abdul Razak, sudah tentu beliau akan terus menerajui kepemimpinan MIC pada tahun 1974.<sup>13</sup>

Sejak menjadi Presiden pada tahun 1955, Tun Sambanthan telah berhasrat untuk mendapatkan **sebuah bangunan untuk MIC**. Mesyuarat atau perjumpaan parti selalu diadakan di dewan Kuil Mariamman, Jalan Bandar.<sup>14</sup> Ia berfungsi sebagai ibu pejabat pertama bagi MIC dan kemudian, berpindah ke satu bangunan di Brickfields. Adakalanya, mesyuarat agong dan perjumpaan delegasi diadakan di kuil Thandayutabani, Sentul. MIC membawa banyak resolusi berkaitan dengan keperluan sebuah bangunan tetap yang dapat berfungsi sebagai ibu pejabat MIC.

Tun Sambanthan telah berusaha untuk memperolehi tanah bagi pembinaan bangunan. Tetapi, MIC tidak mempunyai dana secukup untuk memulakan pembinaan sekiranya tanah diperolehi. Tanah yang dicadangkan di Jalan Sin Woo, buat kali pertama telah diambil oleh kerajaan Selangor tetapi ia digantikan dengan peruntukan tanah di Jalan Maxwell.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, Tun Sambanthan menyerahkan urusan pembinaan bangunan baru kepada Timbalannya, Tan Sri Manickavasagam. Anggaran perbelanjaan bagi pembinaan bangunan ibu pejabat MIC adalah \$10 juta.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Konflik MIC yang bermula sejak tahun 1971, berakhir dengan perletakan jawatan oleh Tun Sambanthan pada tahun 1973. Perkara ini akan dibincangkan di dalam bab : 10.

<sup>14</sup> Keterangan oleh S.P. Narayanasamy pada 29 November 1999, di ibu pejabat NLFCS, Kuala Lumpur.

<sup>15</sup> *Tamil Murasu*, 30 November 1963. (Jalan Sin woo dan Jalan Maxwell terletak di lokasi Jalan Ipoh sekarang).

<sup>16</sup> *Tamil Nesan*, 28 November 1965.

Idea pembinaan bangunan ibu pejabat MIC telah dilahirkan pada tahun 1955. Ketika itu, Tun Sambanthan telahpun memilih nama bagi bangunan baru itu. Ia akan digelar sebagai 'Bangunan Nethaji'. Sejak itu, beliau telah meminta setiap orang India menghulurkan derma bagi menyempurnakan impian tersebut. Malahan, beliau telah mengarahkan setiap cawangan mengadakan kutipan sebanyak seringggit daripada seorang ahli MIC.<sup>17</sup>

Bangunan ibu pejabat MIC siap dibina pada tahun 1969.<sup>18</sup> Mesyuarat Agung Tahunan MIC yang Ke-21 telah diadakan dalam bangunan ini. Walaupun tanah dan kutipan wang bagi membina bangunan diilhamkan oleh Tun Sambanthan tetapi keseluruhan bangunan siap di bawah penyeliaan Tan Sri Manickavasagam. Sebab itu ia dikenali sebagai Menara Manickavasagam manakala dewannya diberi nama Dewan Nethaji.

### **Peranan Tun Sambanthan Dalam Kegiatan Sosio-ekonomi Orang India**

Dengan menyusun semula organisasi parti MIC, Tun Sambanthan telah memantapkan kepimpinannya dan juga kedudukan politik orang India di Malaysia. Dengan adanya pengukuhan sedemikian, beliau mula memainkan peranan yang aktif dalam bidang sosio-ekonomi yang boleh memajukan orang India.

Tun Sambanthan juga melaksanakan beberapa kegiatan sosio-ekonomi bagi mempertingkatkan taraf hidup orang India di Persekutuan Tanah Melayu. Di antara yang

---

<sup>17</sup> **New Straits Times Pamphlet**, *Speech by the President of the Malayan Indian Congress, Dato V.T. Sambanthan, at the 15<sup>th</sup> Session*, hlm. 4.

terpenting ialah mengkaji tentang kepentingan **Tabung Pekerja India Selatan** dan beliau mencadangkan perubahan dalam pengurusan tabung supaya anak buruh estet mendapat manfaatnya.

*South Indian Labour Fund* atau S.I.L.F. diasaskan pada tahun 1907 dengan gelaran '*Tamil Immigration Fund*'<sup>19</sup> Pada tahun 1912, ia dikenali sebagai '*Indian Immigration Fund*'. Mulai tahun 1958, tabung ini dikenali sebagai '*South Indian Labour Fund*'. Ia bertujuan "*for the repatriation and assistance of South Indian labourers*".<sup>20</sup> Pada amnya, tabung ini dimulakan untuk menjaga kebajikan serta membiayai perbelanjaan pergi-balik buruh India di Tanah Melayu. Wang tabung ini adalah sumbangan pengusaha ladang.

Objektif penubuhan tabung hanya bersesuaian sehingga tahun 1955. Selepas British menyerahkan pentadbiran kepada kerajaan Perikatan, pengusaha ladang getah Eropah tidak mahu menanggung perbelanjaan pergi-balik buruh India kerana banyak estet mula dijual. Maka, sejak tahun 1955, Tun Sambanthan seringkali didesak oleh orang India untuk membawa perubahan dalam pengurusan tabung ini kerana selepas merdeka buruh India mula menetap di Tanah Melayu dan berhasrat untuk menggunakan wang tabung bagi tujuan lain.

Tun Sambanthan telah mencadangkan penggunaan wang tabung bagi tujuan pendidikan anak-anak buruh ladang di sekolah-sekolah menengah dan juga universiti.<sup>21</sup> Ada beberapa pemimpin MIC juga telah menggesa kerajaan untuk menguatkuasakan

---

<sup>18</sup> MIC, Laporan Tahunan untuk Mesyuarat Agung yang Ke-21, 21.7.1907-30.6.1973, Kuala Lumpur. hlm.21.

<sup>19</sup> Labour Ministry, No.Fail 172/38/3- S.I.L.F. Transfer of Share Certificates, Kuala Lumpur, 1955

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Vimaladevi Shellapah, "MIC: Satu Kajian dari segi Pencapaian Politik, Ekonomi dan Sosial Antara Tahun 1970-1987", Kajian Ilmiah, Universiti Malaya, hlm. 55. (Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan).

undang-undang supaya tabung ini boleh digunakan bagi program penempatan semula.<sup>22</sup> Sebagai Presiden MIC, beliau telah mendesak Encik Manickavasagam yang ketika itu menyandang jawatan Menteri Buruh dan juga Timbalan Presiden MIC untuk mengubahsuai perlembagaan tabung. Penggunaan tabung bagi tujuan program pendidikan dan penempatan semula hanya akan menjadi kenyataan sekiranya "... *the present purpose of the fund were amended to facilitate cash loans.*"<sup>23</sup>

Selepas tahun 1958, pengurusan tabung adalah di bawah Kementerian Buruh. MIC juga mencadangkan pembiayaan tabung tidak semestinya percuma tetapi boleh diselaraskan sebagai skim bayar balik.<sup>24</sup> Pada tahun 1966, empat orang pelajar telah menerima biasiswa sebanyak \$2000 setahun untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.<sup>25</sup>

Tun Sambanthan telah berjaya mengubah tujuan asal tabung itu, berpandukan situasi sosial dan ekonomi orang India selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Tabung ini masih mementingkan kebajikan buruh ladang tetapi pelaksanaannya lebih bercorak kepada keperluan semasa. Oleh kerana buruh ladang tidak lagi pulang ke India maka wang tersebut telah disalurkan dalam program pendidikan anak buruh ladang. Sebagai Presiden MIC, Tun Sambanthan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan keperluan tabung dapat dimanfaatkan oleh masyarakat estet itu sendiri supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Tun Sambanthan juga digambarkan sebagai seorang tokoh pemimpin India yang berpegang kuat kepada **adat resam dan kebudayaan Tamil**. Ramai telah mengkritik

---

<sup>22</sup> *Malay Mail*, 7 March 1959.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.* (Tiada maklumat lanjutan mengenai hal ini).

<sup>25</sup> Labour Ministry, *No. Fail 172/58/4-S.I.L.F. Board - Cash Assistance*, Kuala Lumpur, 1958.

tentang amalan memakai dhoti oleh Tun Sambanthan semasa urusan rasmi. Beliau pernah diperli sebagai 'Menteri Dhoti' dan 'Menteri Kacang Putih'. Beliau tidak mengendahkan segala kritikan dengan berkata "*I wear these clothes because they make me feel closer to the people.*"<sup>26</sup> Beliau bersikap sederhana dalam amalan agama dan adat resam supaya orang India yang berpendidikan dan berjawatan tinggi dapat mencontohnya. Apabila memakai dhoti, beliau merasa rapat dengan bangsanya dan juga tidak pernah rasa malu memakainya dalam urusan rasmi. Malahan, beliau telah memakainya ke parlimen. Beliau pernah berkata Tengku sendiri tidak pernah melarangnya daripada memakai dhoti kerana "*... as Asians were permitted to wear their national costumes at official functions.*"<sup>27</sup> Sebagai Presiden MIC, beliau telah menunjukkan contoh yang baik kepada orang India agar meneruskan amalan budaya Tamil walaupun berpangkat dan berpendidikan tinggi. Beliau juga telah menjadi penaung kepada Seminar Bahasa Tamil sedunia buat kali pertama diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1968. Beliau telah mewajibkan penggunaan bahasa Tamil dalam urusan rasmi MIC.

Beliau menyanjung tinggi idea perjuangan politik Gandhi sehingga prinsip dan polisi Gandhi telah dijadikan pendorong dalam karier politiknya. Mahatma Gandhi adalah penyembah setia tuhan Rama. Oleh itu, Tun Sambanthan juga menyembah tuhan Rama sehingga berhasrat untuk membina sebuah kuil Rama di Malaysia. Pada tahun 1979, beliau telahpun menyempurnakan upacara perletakan batu asas untuk kuil yang akan dibina di Ladang Kuala Perak, Bagan Datok (Perak). Beliau tidak berkesempatan untuk melihat kuil Sri Rama yang telah siap dibina, pada tahun 1989.

---

<sup>26</sup> *Straits Times*, 10 November 1957.

<sup>27</sup> *Malay Mail*, 29 September 1955.

Terdapat sebuah cerita<sup>28</sup> di sebalik pembinaan kuil Sri Rama ini. Pada tahun 1970 Tun Sambanthan dikatakan telah bermimpi ada seorang lelaki tua memberi sepasang kasut lalu berkata bahawa ia adalah kepunyaan Sri Rama dan perlu dipelihara. Selepas itu, beliau telah berhasrat untuk membina sebuah kuil bagi Sri Rama. Apabila melawat ladang Kuala Perak, beliau terlihat satu kuil kecil yang mempunyai patung dewa Sri Rama. Maka, beliau telah mengambil keputusan untuk mendirikan kuil di sana.

Beliau juga tidak pernah meleakakan diri daripada menghadiri sambutan Thaipusam di Batu Caves. Menurut S.P. Narayanasamy, Tun Sambanthan tidak pernah bermegah diri sebagai menteri di kuil. Walaupun pentas khas disediakan bagi dirinya tetapi beliau seringkali suka duduk di belakang tirai. Ada kalanya beliau hanya singgah di gerai S.P. Narayanasamy dan setelah minum kopi dia akan beredar dari situ. Kesederhanaan dan sikap rendah diri Tun Sambanthan menjadi pujian orang ramai.

Beliau adalah Presiden MIC pertama yang mempunyai pegangan kuat dalam hal agama. Beliau seringkali menghadirkan diri dalam aktiviti kuil di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dengan itu, masyarakat India telah merasakan hubungan antara pemimpin dan rakyat biasa lebih mesra. Mereka juga berkesempatan berbual dan melahirkan rasa tidak puashati kepada pemimpin yang telah mereka pilih. Beliau telah menjadi contoh yang baik bagi masyarakat India untuk mengamalkan prinsip pertama dalam Rukunegara iaitu 'Percaya kepada Tuhan'.

Tun Sambanthan juga telah menjemput *Pope of Taoism Heavenly Teacher, Chang Tien Shih* (79 tahun) dari Taipei pada tahun 1964 untuk mengadakan sembahyang meminta keamanan bagi negara Malaysia.<sup>29</sup> Sebagai seorang yang tinggi ketaatan

---

<sup>28</sup> **New Straits Times**, 7 July 1989.

<sup>29</sup> **Malayan Times**, 12 July 1964.

terhadap agama Hindu, beliau juga telah menghormati ideologi agama lain. Beliau dan keluarganya telah mempunyai kebiasaan untuk menjemput sami-sami agama Hindu dari India. Sebagai penganut setia agama Hindu, beliau juga seringkali meminta orang India agar menghormati agama dan kepercayaan kaum-kaum lain bagi membentuk masyarakat Malaysia yang aman dan damai.

Beliau juga mempunyai minat dalam hal-hal kebajikan. Pada tahun 1964, beliau telah dilantik sebagai Presiden *Moral Uplifting Society* atau *Che Huan Khor*.<sup>30</sup> Persatuan Cina ini berfungsi untuk membantu golongan miskin dan sakit bagi mendapatkan perubatan percuma atau tradisional, membeli peti mayat dan sebagainya. Persatuan ini telah mempunyai 15 cawangan dalam negara dan termasuk di HongKong, Thailand dan Farnosa. Perlantikan ini adalah satu penghormatan tertinggi yang diberikan kepada seorang yang bukan berbangsa Cina. Perlantikan ini disebabkan oleh Tun Sambanthan dianggap sebagai pemimpin yang mempunyai keimanan yang tinggi dan bertoleransi dengan agama lain.

Tun Sambanthan memang terkenal dalam melakukan sesuatu yang luar biasa. Beliau telah mengusahakan pengeluaran suratkhbar bahasa Inggeris pertama di Persekutuan Tanah Melayu yang dikenali sebagai **Malayan Times**.<sup>31</sup> Walaupun, **Straits Times** telah menjadi surat khabar Inggeris yang awal berada dalam peredaran tetapi ia dikeluarkan di Singapura. Keluaran pertama **Malayan Times** adalah pada 12hb Mac 1962.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> **Malayan Times**, 1 April 1964.

<sup>31</sup> **Malai Naadu**, 26 Mac 1962. Pengarah urusan akhbar ialah A.V. Meenatchi Sundram. Ahli Lembaga Pengarah lain terdiri daripada Dato S.M. Yusuff (Ipoh), Encik Lew Wai Hon A.M.N. (Ipoh), Encik N.T.C. Arumugam Pillai A.M.N. (Pulau Pinang) dan Encik A.M.S. Periasamy Pillai (Sg. Siput). Editor bagi keluaran akhbar pada peringkat awal ialah M. Sivaram.

<sup>32</sup> **Malayan Times**, 13 March 1962.

Memandangkan kedudukan Tun Sambanthan sebagai Menteri, maka, penglibatan beliau dalam **Malayan Times** adalah secara tidak langsung. Beliau telah memulakan surat khabar ini dengan bantuan abangnya, Encik Meenachi Sundram. Tujuan sebenar pengeluaran **Malayan Times** adalah:

*"The sponsors of Malayan Times have felt ... Malaya's growing newspaper readers want different points of view from as many newspapers as possible... to record the momentous events of the new era but also provide channels for the expression of views and opinions of the peoples of Malaysia as they together tread the path towards their new destiny."*<sup>33</sup>

**Malayan Times** adalah surat khabar harian dengan 16 mukasurat dan mengandungi keluaran khas hari Ahad. Akhbar ini telah merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara. Kebanyakan berita adalah berkaitan dengan Tengku Abdul Rahman. Ini adalah secara kebetulan sahaja. Sememangnya pada masa itu, Tengku sebagai Perdana Menteri telah menjadi penggerak utama dalam peristiwa-peristiwa politik negara. Selain hal-hal politik, akhbar ini telah mengandungi sudut kartun, saham, perjalanan kapal laut, pendidikan, pengetahuan am dan sebagainya.

Walaupun **Malayan Times** telah dimulakan oleh seorang ahli politik tetapi ia tidak digunakan sebagai propaganda bagi merakamkan peristiwa-peristiwa berkaitan dengan diri Tun Sambanthan. Ia hanya melaporkan aktiviti-aktiviti biasa yang telah dilaksanakannya sebagai Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi dan Presiden MIC. Laporan berita ini adalah sama dengan keluaran berita dalam akhbar **Straits Times**, **Tamil Nesan** dan sebagainya.

---

<sup>33</sup> Ibid.

Keluarannya begitu lancar hanya pada beberapa bulan awal dalam tahun 1962 sahaja. Enam belas mukasurat yang telah dijanjikan mula merosot kepada 10 hingga 8 halaman. Pada tahun 1965, **Malayan Times** telah hilang daya saingannya dengan akhbar-akhbar bahasa Inggeris yang lain dan akhirnya telah dihentikan.

Penglibatan Tun Sambanthan dalam keluaran **Malayan Times** adalah pengalaman pahit bagi dirinya. Beliau juga telah kehilangan banyak harta milik keluarganya dalam membayar kos pengeluaran akhbar ini. Pulangannya pula tidak menguntungkan. Usaha yang telah dimulakan dengan restu Tengku Abdul Rahman tidak membawa hasil seperti yang dijangkakan. Hasrat bagi mengeluarkan surat khabar Inggeris pertama di Persekutuan telah lenyap begitu sahaja.

Pada masa yang sama, Tun Sambanthan juga menjadi penaung bagi keluaran akhbar mingguan Tamil **Malai Naadu**. Editor bagi akhbar ini ialah Encik V. Meenachi Sundram dan pejabat penerbitannya terletak di Sg. Siput. Akhbar ini telah menjadi alat propaganda bagi menambahkan keahlian NLFCS. Sebagai Presiden MIC, beliau telah memberi dorongan dan naungan kepada abangnya menerajui bidang persuratkhabaran bahasa Inggeris dan Tamil. Usaha murni ini, adalah untuk menggalakkan keluaran suratkhabar dalam negara dan bukannya dari luar negara lagi. Tun Sambanthan berupaya bertindak sendiri untuk mengeluarkan akhbar-akhbar di dalam Tanah Melayu tanpa bergantung kepada orang luar. Ia juga sebagai usaha untuk menggalakkan proses Malayanisasi.

Sebagai Presiden MIC tidak dapat dinafikan sumbangannya dalam menyusun semula organisasi parti dan mengusahakan taraf kerakyatan orang India supaya mereka mempunyai identiti politik di Malaysia. Melalui aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi yang

dilakukannya, Tun Sambanthan dapat menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang sesuai dengan aspirasi orang India di Malaysia. Beliau berjaya menyatupadukan orang India di Malaysia di bawah parti MIC. Beliau juga telah banyak melibatkan diri dalam hal berkaitan agama dan kebajikan. Peranan politik dan sosio-ekonomi Tun Sambanthan terhadap kemajuan orang India yang dikaji dalam bab ini, harus dinilai bersama dengan tugas-tugas yang dilaksanakan sebagai penggerak NLFCS dan menteri dalam kabinet negara.